



**MAJLIS DAERAH YONG PENG**  
**KM 1, JALAN LABIS, 83700 YONG PENG, JOHOR**  
**TEL: 07- 4671276 FAX: 07- 4671712**

## **KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA**

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia mengikut kod bidang yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut ;-

<b>No Sebut harga</b>	<b>Perihal Kerja</b>	<b>Harga Dokumen/ Tarikh Mula dan Tutup Dijual</b>	<b>Syarat Pendaftaran</b>
MDYP 53/2022 (MDYP)	Perkhidmatan Sewaan Mesin Penyalin (Fotostat) untuk Majlis Daerah Yong Peng	RM 30.00 24.11.2022 (Khamis) hingga 30.11.2022 (Rabu)	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 221502 (Mesin Dan Peralatan Pejabat)

2. Dokumen tawaran akan dijual kepada penama yang sah sahaja dengan mengemukakan dokumen asal pendaftaran sebagaimana berikut :-

### **2.1 : Sijil Kementerian Kewangan Malaysia ( KKM ) & Taraf Bumiputera**

3. Dokumen meja dan dokumen sebut harga boleh disemak dan didapati di **Aras Bawah Pandu Lalu Pejabat Majlis Daerah Yong Peng** dengan bayaran secara **Draf Bank, Wang Pos atau Wang Kiriman Pos Berpalang** di atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Yong Peng** pada waktu kaunter MDYP sebagaimana berikut :

**Ahad hingga Rabu : 8.00 pagi hingga 4.00 petang**  
**Khamis : 8.00 pagi hingga 3.00 petang**

4. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan di masukkan ke dalam Peti Tawaran di **Aras Bawah Pandu Lalu, Majlis Daerah Yong Peng, KM. 1 Jalan Labis, 83700 Yong Peng, Johor** sebelum jam **12.00 tengah hari** pada tarikh tutup seperti yang **tertera pada jadual di atas**. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.

5. Penyebut harga yang tidak menerima jawapan selepas 3 bulan daripada tarikh tutup dianggap tidak berjaya. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain.

Sekian, dimaklumkan.

**HAJI NUR FAIZ BIN JAMIL**  
**Yang DiPertua**  
**Majlis Daerah Yong Peng**